

Tujuh gelaran juara dunia menutup tirai 2017 dengan penuh bergaya dan kejayaan atlet negara menakuk dunia akan tercatat dalam lipatan sejarah termasuk Mohd Faiz Subri meraih Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2016, sekali gus menjadi penanda aras baru dalam arena bola sepak tanah air.

Pastinya 2017 pasti akan dilihatnya terutama apabila kontingen negara berjaya merealisasikan sasaran muncul juara keseluruhan temasya dwi tahunan Sukan SEA Kuala Lumpur selepas kali terakhir melakukannya pada 2001.

Antara atlet yang dikenang pastinya jaguh berbasikal, Azizulhasni Awang dilikuti penerjun berpengalaman Cheong Jun Hoong dan pasukan bowling wanita negara terdiri daripada Shalin Zulkifli, Siti Saffiyah Amirah Abdul Rahman, Syadatul Afiah Badrul Hamidi, Sin LiJane dan Natasha Roslan selain Phoon Eyni, Loh Ying Ting, Tan Cheong Min Wong Weng Son (wushu) dan Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah (bina badan).

Atlet para negara Ziyad Zolkifi dan Abdul Latif Romly turut cemerlang apabila berjaya mempertahankan gelaran juara dunia dalam acara masing-masing di Kejohanan Olahraga Para Dunia di London.

Malah kejayaan skuad hoki negara layak ke Piala Dunia buat kali pertama melengkapkan noktah gemilang sukan negara pada 2017.



PASUKAN hoki negara melayakkan diri untuk bersaing di Piala Dunia buat julung pertama.



SKUAD bowling negara menewaskan Singapura di saingan final untuk mengakhiri penantian sedekad bagi memenangi pingat emas pada Kejohanan Bowling di Las Vegas, Amerika Syarikat.



JAGUH terjun Malaysia, Cheong Jun Hoong merangkul pingat emas pertama negara di Kejohanan Akuatik Dunia dalam acara 10m platform di Budapest.



PEMAIN badminton terulung negara, Datuk Lee Chong Wei merangkul gelaran keempat Kejohanan Badminton All England di Barclaycard Arena, Birmingham.



PASUKAN wushu negara bersama pingat emas yang diraih pada kejohanan dunia di Kazan, Russia.



ATLET paralimpik negara Latif Romly mengutip pingat emas dan memecahkan rekod kejohanan dalam acara lompat jauh pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017 manakala rakan seperjuangannya Muhammad Ziyad Zolkifi berjaya meraih pingat gangsa dalam acara melontar peluru lelaki pada Sukan SEA ke-29.



MOHD Syarul Azman Mahen Abdullah mempertahankan kejuaraan Mr Universe dalam Kejohanan Bina Badan Dunia dan Sukan Fizik di Ulanbaatar, Mongolia.



MOHD Faiz Subri meraih Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) sekali gus mencipta sejarah baru dalam arena bola sepak tempatan.



AZIZUL Hasni Awang terus mengharumkan nama Malaysia dalam persada lumba basikal dunia. Beliau merangkul pingat emas ke-111 yang disasarkan negara pada Sukan SEA lalu.



MOHD Faiz Subri meraih Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) sekali gus mencipta sejarah baru dalam arena bola sepak tempatan.